

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>LANGKAH CUKAI</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>LAMPIRAN 1</b>	: KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU	1 - 3
<b>LAMPIRAN 2</b>	: KAJIAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN DIRI, PASANGAN DAN ANAK	4
<b>LAMPIRAN 3</b>	: LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL	5
<b>LAMPIRAN 4</b>	: PELEPASAN CUKAI KE ATAS CARUMAN SUKARELA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA	6 - 7
<b>LAMPIRAN 5</b>	: LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI BAYARAN YURAN TAMAN ASUHAN ATAU TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK	8
<b>LAMPIRAN 6</b>	: PELUASAN SKOP KAEDAH UJIAN PENGESANAN COVID-19	9
<b>LAMPIRAN 7</b>	: KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA	10
<b>LAMPIRAN 8</b>	: KAJIAN SEMULA POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PENYENARAIAN DI BURSA MALAYSIA	11
<b>LAMPIRAN 9</b>	: POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PENERBITAN SUKUK BERKAITAN PELABURAN MAMPAN DAN BERTANGGUNGJAWAB	12
<b>LAMPIRAN 10</b>	: LAYANAN DUTI SETEM BAGI PINDAH MILIK HARTA TANAH SECARA KASIH SAYANG	13
<b>LAMPIRAN 11</b>	: LAYANAN DUTI SETEM BAGI PERJANJIAN PINJAMAN/BIASISWA PENDIDIKAN	14
<b>LAMPIRAN 12</b>	: LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PENSTRUKTURAN ATAU PENJADUALAN SEMULA PERJANJIAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN	15
<b>LAMPIRAN 13</b>	: PENGENALAN JADUAL BAHRU BAGI PELABURAN SEMULA PROJEK PERHOTELAN DAN PELANCONGAN TERPILIH DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967	16

	<b>LANGKAH CUKAI</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>LAMPIRAN 14</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI PELANCONGAN KESIHATAN	17
<b>LAMPIRAN 15</b>	: POTONGAN CUKAI KHAS BAGI PERBELANJAAN PRODUK KRAFTANGAN BUATAN MALAYSIA OLEH INDUSTRI PERHOTELAN	18
<b>LAMPIRAN 16</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT PENGENDALI PELANCONGAN	19
<b>LAMPIRAN 17</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI EKSPORT PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA	20
<b>LAMPIRAN 18</b>	: PELUASAN SKOP POTONGAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN WARGA EMAS, BEKAS BANDUAN, ORANG DIPAROL, ORANG DISELIA DAN BEKAS PENAGIH DADAH	21
<b>LAMPIRAN 19</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI WANITA KEMBALI BEKERJA	22
<b>LAMPIRAN 20</b>	: POTONGAN CUKAI BAGI PENAJAAN <i>SMART ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)-DRIVEN REVERSE VENDING MACHINE</i>	23
<b>LAMPIRAN 21</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI TEKNOLOGI HIJAU	24 - 25
<b>LAMPIRAN 22</b>	: GALAKAN CUKAI BAGI SEWAAN KENDERaan ELEKTRIK	26
<b>LAMPIRAN 23</b>	: GALAKAN CUKAI BAGI PENGILANG PERALATAN PENGECASAN UNTUK KENDERaan ELEKTRIK	27
<b>LAMPIRAN 24</b>	: GALAKAN CUKAI BAGI CARBON CAPTURE AND STORAGE	28 - 29
<b>LAMPIRAN 25</b>	: GALAKAN CUKAI BAGI PENTERNAKAN AYAM SECARA SISTEM REBAN TERTUTUP	30
<b>LAMPIRAN 26</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PROJEK PENGELOUARAN BAHAN MAKANAN	31 - 32
<b>LAMPIRAN 27</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT BERSTATUS BIONEXUS	33 - 34
<b>LAMPIRAN 28</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI PEMBANGUNAN HARTA INTELEK	35
<b>LAMPIRAN 29</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI AUTOMASI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN	36 - 37

	<b>LANGKAH CUKAI</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>LAMPIRAN 30</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT FARMASEUTIKAL	38
<b>LAMPIRAN 31</b>	: KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI <i>EQUITY CROWDFUNDING</i>	39 - 40
<b>LAMPIRAN 32</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI PELABUR MANGKIN	41
<b>LAMPIRAN 33</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI HAB PRINSIPAL 3.0	42
<b>LAMPIRAN 34</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI <i>GLOBAL TRADING CENTRE</i>	43
<b>LAMPIRAN 35</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI INDUSTRI PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN KAPAL	44 - 45
<b>LAMPIRAN 36</b>	: LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI INDUSTRI AEROANGKASA	46
<b>LAMPIRAN 37</b>	: PENGECAULIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PERALATAN STUDIO DAN PRODUKSI PENGGAMBARAN	47
<b>LAMPIRAN 38</b>	: KAJIAN SEMULA PENGECAULIAN DUTI EKSAIS DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PENJUALAN ATAU PINDAH MILIK TEKSI DAN KERETA SEWA MILIKAN INDIVIDU	48
<b>LAMPIRAN 39</b>	: LANJUTAN PENGECAULIAN DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN ELEKTRIK CBU	49
<b>LAMPIRAN 40</b>	: PENGECAULIAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN PELANCONGAN	50
<b>LAMPIRAN 41</b>	: LANJUTAN PENGECAULIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PEMBELIAN BAS PEMASANGAN TEMPATAN	51
<b>LAMPIRAN 42</b>	: PENGECAULIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS TERAPI GANTIAN NIKOTIN	52
<b>LAMPIRAN 43</b>	: PENGECAULIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN DIGITAL BERKAITAN PERBANKAN/KEWANGAN	53 - 54

## LAMPIRAN 1

### KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

#### Kedudukan Semasa

Kadar cukai pendapatan individu pemastautin adalah progresif di antara 0% dan 30%. Kadar cukai pendapatan mulai tahun taksiran 2021 adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai (%)
0 - 5,000	0
5,001 - 20,000	1
20,001 - 35,000	3
35,001 - 50,000	8
50,001 - 70,000	13
70,001 - 100,000	21
100,001 - 250,000	24
250,001 - 400,000	24.5
400,001 - 600,000	25
600,001 - 1,000,000	26
1,000,001 - 2,000,000	28
Melebihi 2,000,000	30

#### Cadangan

Bagi menangani kos sara hidup yang tinggi serta meningkatkan pendapatan boleh guna di kalangan rakyat berpendapatan sederhana, dicadangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin diturunkan 2 mata peratusan bagi setiap banjaran pendapatan bercukai di antara RM50,001 hingga RM100,000.

Untuk menjadikan struktur cukai individu lebih progresif, dicadangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin pada banjaran pendapatan bercukai di antara RM250,001 hingga RM400,000 dinaikkan sebanyak 0.5 mata peratusan.

Perbandingan kadar cukai pendapatan individu semasa dan kadar cukai yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Semasa (%)	Kadar Cukai Dicadangkan (%)
0 - 5,000	0	0
5,001 - 20,000	1	1
20,001 - 35,000	3	3
35,001 - 50,000	8	8
<b>50,001 - 70,000</b>	<b>13</b>	<b>11</b>
<b>70,001 - 100,000</b>	<b>21</b>	<b>19</b>
100,001 - 250,000	24	24
<b>250,001 - 400,000</b>	<b>24.5</b>	<b>25</b>
400,001 - 600,000	25	25
600,001 - 1,000,000	26	26
1,000,001 - 2,000,000	28	28
Melebihi 2,000,000	30	30

Penjimatan bayaran cukai pendapatan bagi setiap individu kesan daripada perubahan kadar cukai adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Semasa		Cadangan		
	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)	Penjimatan (RM)
0 - 5,000	0	0	0	0	
		0		0	** **
5,001 - 20,000	1	150	1	150	
		150		150	** **
20,001 - 35,000	3	450	3	450	
		600		600	** **
35,001 - 50,000	8	1,200	8	1,200	
		1,800		1,800	** **
50,001 - 70,000	13	2,600	<b>11</b>	2,200	
		4,400		4,000	400 9.1
70,001 - 100,000	21	6,300	<b>19</b>	5,700	
		10,700		9,700	1,000 9.3
100,001 - 250,000	24	36,000	24	36,000	
		46,700		45,700	1,000 2.1
250,001 - 400,000	24.5	36,750	<b>25</b>	37,500	
		83,450		83,200	250 0.3
400,001 - 600,000	25	50,000	25	50,000	
		133,450		133,200	250 0.2

Pendapatan Bercukai (RM)	Semasa		Cadangan		
	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)	Penjimatan
					(RM)
600,001 - 1,000,000	26	104,000	26	104,000	
		237,450		237,200	250 0.1
1,000,001 - 2,000,000	28	280,000	28	280,000	
		517,450		517,200	250 0.0
Melebihi 2,000,000	30		30		

Nota: \*\*tidak berkenaan

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023.

## **LAMPIRAN 2**

### **KAJIAN SEMULA PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN DIRI, PASANGAN DAN ANAK**

#### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan diberi ke atas perbelanjaan rawatan perubatan sehingga RM8,000 seperti berikut:

- i. penyakit serius ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak;
- ii. rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami/isteri;
- iii. pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000; dan
- iv. pemeriksaan kesihatan penuh termasuk kesihatan mental, ujian pengesanan COVID-19 termasuk pembelian kit ujian kendiri ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000.

#### **Cadangan**

Bagi menyokong Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan dalam menggalakkan penjagaan gigi di kalangan rakyat, dicadangkan skop pelepasan cukai pendapatan diperluas untuk meliputi perbelanjaan pemeriksaan dan rawatan pergigian daripada pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia terhad sehingga RM1,000.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023.

## **LAMPIRAN 3**

### **LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL**

#### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM8,000 diberi kepada pembayar cukai individu ke atas simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2022.

#### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan ibu bapa menabung bagi membiayai kos pendidikan tertiar anak, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM8,000 ke atas simpanan bersih tahunan dalam SSPN dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tahun taksiran 2023 dan tahun taksiran 2024.

## LAMPIRAN 4

### PELEPASAN CUKAI KE ATAS CARUMAN SUKARELA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

#### Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu diberi ke atas caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), takaful atau bayaran premium insurans hayat. Mulai tahun taksiran 2022, skop pelepasan cukai pendapatan individu kepada pencarum KWSP diperluas meliputi pencarum secara sukarela yang bekerja sendiri termasuk penjawat awam berskim pencen.

Bil.	Jenis Caruman	Pelepasan Cukai
i.	Caruman mandatori kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis	Terhad RM4,000
ii.	Premium insurans nyawa atau takaful hayat	Terhad RM3,000

Bagi penjawat awam berskim pencen yang tidak mencarum kepada KWSP secara sukarela, pelepasan cukai pendapatan ke atas sumbangan takaful atau bayaran premium insurans hayat boleh dituntut sehingga RM7,000.

#### Cadangan

Bagi menggalakkan caruman secara sukarela untuk meningkatkan tabungan sebagai persediaan menghadapi hari tua, dicadangkan pelepasan cukai ke atas caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan dikaji seperti berikut:

Bil.	Jenis Caruman	Pelepasan Cukai
i.	Caruman mandatori kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis	Terhad RM4,000
ii.	Premium insurans nyawa atau takaful hayat <b>atau</b> caruman sukarela tambahan kepada KWSP atau kedua-duanya	Terhad RM3,000

Layanan baharu ini juga **terpakai kepada penjawat awam berskim pencen**.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023.

## **LAMPIRAN 5**

### **LANJUTAN PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BAGI BAYARAN YURAN TAMAN ASUHAN ATAU TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK**

#### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak yang berumur sehingga 6 tahun ke Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia telah dinaikkan kepada RM3,000 bagi tahun taksiran 2020 dan 2021. Melalui Bajet 2022, pelepasan cukai ini dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2023.

Pelepasan ini boleh dituntut oleh salah seorang daripada ibu bapa kepada anak tersebut.

#### **Cadangan**

Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa dalam menyediakan pendidikan awal kepada anak-anak, dicadangkan pelepasan cukai sehingga RM3,000 ini dilanjutkan setahun lagi.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tahun taksiran 2024.

## **LAMPIRAN 6**

### **PELUASAN SKOP KADEAH UJIAN PENGESANAN COVID-19**

#### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan diberi ke atas perbelanjaan ujian pengesanan COVID-19 termasuk pembelian kit ujian kendiri bagi pembayar cukai, pasangan atau anak. Perbelanjaan ini meliputi:

- i. bayaran ujian pengesanan COVID-19 yang dijalankan di hospital atau klinik dan dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh hospital/klinik/pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- ii. pembelian kit ujian kendiri yang disokong dengan resit.

#### **Cadangan**

Bagi memberi layanan setara ke atas perbelanjaan ujian pengesanan COVID-19 sedia ada, dicadangkan layanan semasa pelepasan cukai diperluaskan kepada ujian yang dibuat di makmal yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023.

## LAMPIRAN 7

### KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

#### Kedudukan Semasa

Syarikat atau Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang mempunyai modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta setahun dikategorikan sebagai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 17% bagi RM600,000 pertama pendapatan bercukai. Pendapatan bercukai selebihnya dikenakan pada kadar 24%.

#### Cadangan

Bagi meningkatkan daya saing PMKS dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, dicadangkan kadar cukai ke atas pendapatan bercukai bagi RM100,000 pertama dikurangkan sebanyak 2 mata peratusan daripada 17% kepada 15%, manakala kadar cukai bagi pendapatan bercukai selebihnya dikekalkan pada kadar 17% dan 24% seperti berikut:

Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai
<b>RM100,000 yang pertama</b>	<b>15%</b>
RM100,001 hingga RM600,000	17%
RM600,001 dan seterusnya	24%

#### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023.

## LAMPIRAN 8

### KAJIAN SEMULA POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PENYENARAIAIN DI BURSA MALAYSIA

#### Kedudukan Semasa

Dalam Belanjawan 2020, potongan cukai sehingga RM1.5 juta bagi tiga tahun taksiran iaitu 2020 hingga 2022 diberi ke atas perbelanjaan penyenaraian yang dibuat oleh syarikat berdasarkan teknologi di Pasaran Access, Certainty, Efficiency (ACE) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP) bagi perbelanjaan berikut:

- i. *fees to authorities*;
- ii. *professional fees*; dan
- iii. *underwriting, placement and brokerage fees*.

#### Cadangan

Bagi terus menggalakkan lebih banyak syarikat berdasarkan teknologi dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana mengembangkan perniagaan dengan penambahan dana modal melalui penyenaraian di BURSA Malaysia, dicadangkan layanan potongan cukai ini dikaji semula seperti berikut:

- i. potongan cukai sedia ada sehingga RM1.5 juta ke atas kos penyenaraian di Pasaran ACE dan LEAP dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun; dan
- ii. potongan cukai ini turut diperluas untuk meliputi kos penyenaraian syarikat berdasarkan teknologi di Pasaran Utama BURSA.

#### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

## LAMPIRAN 9

### POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PENERBITAN SUKUK BERKAITAN PELABURAN MAMPAN DAN BERTANGGUNGJAWAB

#### Kedudukan Semasa

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang membolehkan pengumpulan dana oleh syarikat melalui pembiayaan ke arah meningkatkan amalan kemampanan dan menyokong peralihan kepada aktiviti rendah karbon.

Rangka Kerja SRI-*linked* Sukuk bertujuan untuk memenuhi keperluan pembiayaan yang lebih luas untuk syarikat yang berada pada tahap kemampanan berbeza menyediakan lebih banyak peluang kepada syarikat untuk beralih kepada sasaran karbon sifar bersih dan seterusnya menepati hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

#### Cadangan

Bagi menyediakan saluran pembiayaan patuh syariah yang inovatif dan menempatkan Malaysia sebagai hab penerbitan serantau SRI-*linked* Sukuk, dicadangkan potongan cukai diberi ke atas kos penerbitan SRI-*linked* Sukuk yang diluluskan atau dibenarkan atau diserah simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi tempoh 5 tahun.

#### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

## LAMPIRAN 10

### **LAYANAN DUTI SETEM BAGI PINDAH MILIK HARTA TANAH SECARA KASIH SAYANG**

#### **Kedudukan Semasa**

Kadar duti setem bagi surat cara pindah milik harta tanah mulai 1 Januari 2019 adalah seperti berikut:

<b>Harga Jualan/Nilai Pasaran Harta Tanah (mengikut mana lebih tinggi)</b>	<b>Kadar Duti Setem</b>
RM100,000 yang pertama	1%
RM100,001 hingga RM500,000	2%
RM500,001 hingga RM1,000,000	3%
RM1,000,001 dan seterusnya	4%

Pengecualian duti setem sepenuhnya diberi ke atas surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan antara suami dan isteri.

Peremitan duti setem sebanyak 50% diberi ke atas surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan antara ibu/bapa dan anak warganegara Malaysia sahaja.

#### **Cadangan**

Bagi menyeragamkan layanan duti setem bagi pindah milik harta tanah atas dasar kasih sayang, dicadangkan surat cara pindah milik harta tanah yang melibatkan suami dan isteri, ibu/bapa dan anak serta datuk/nenek dan cucu dikenakan duti tetap RM10 dengan syarat penerima harta tanah tersebut adalah warganegara Malaysia.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023.

**LAYANAN DUTI SETEM BAGI PERJANJIAN  
PINJAMAN/BIASISWA PENDIDIKAN**

**Kedudukan Semasa**

Duti setem ke atas perjanjian pinjaman/biasiswa pendidikan bagi tujuan mengikuti pengajian peringkat tertiari (diploma dan ke atas) di institusi pengajian tinggi dikenakan pada kadar tetap RM10 berdasarkan Butiran 22(4) Jadual Pertama Akta Setem 1949, manakala peringkat selainnya dikenakan kadar duti *ad valorem*.

**Cadangan**

Bagi menyeragamkan layanan duti setem untuk semua peringkat pendidikan, dicadangkan pengenaan duti tetap RM10 diperluas untuk meliputi perjanjian pinjaman/biasiswa pendidikan bagi pengajian di semua peringkat termasuk sijil (pendidikan/kemahiran/professional) di mana-mana institusi pendidikan dan latihan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perjanjian pinjaman/biasiswa pendidikan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023.

## **LAMPIRAN 12**

### **LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI PENSTRUKTURAN ATAU PENJADUALAN SEMULA PERJANJIAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN**

#### **Kedudukan Semasa**

Pengecualian duti setem sepenuhnya diberi ke atas perjanjian penstruktur atau penjadualan semula pinjaman/pembentangan antara peminjam dan institusi kewangan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 tertakluk kepada syarat berikut:

- i. pinjaman/pembentangan asal telah disetem sewajarnya; dan
- ii. perjanjian penstruktur atau penjadualan semula pinjaman/pembentangan tersebut tidak mempunyai elemen penambahan nilai kepada nilai pinjaman/pembentangan yang asal.

#### **Cadangan**

Bagi membantu mengurangkan kos pinjaman dan menambahbaik aliran tunai peminjam, dicadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas perjanjian penstruktur atau penjadualan semula pinjaman/pembentangan dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perjanjian penstruktur atau penjadualan semula pinjaman/pembentangan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

**PENGENALAN JADUAL BAHARU BAGI PELABURAN SEMULA PROJEK  
PERHOTELAN DAN PELANCONGAN TERPILIH DI BAWAH  
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**Kedudukan Semasa**

Elaun Pelaburan Semula (EPS) diberi kepada sektor perkilangan dan pertanian terpilih di bawah Jadual 7A, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang merangkumi aktiviti pembesaran, pelbagaian, modenisasi dan automasi. EPS diberi sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh 15 tahun berturut-turut dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun. EPS ini boleh dituntut melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan dan kaedah ini memudahkan syarikat untuk menikmati galakan cukai.

Bagi sektor perkhidmatan tiada peruntukan khas bagi EPS di bawah ACP 1967.

**Cadangan**

Bagi memulihkan sektor perkhidmatan khususnya pelancongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19, dicadangkan jadual baharu bagi pelaburan semula projek perhotelan dan pelancongan terpilih di bawah ACP 1967 diwujudkan dan diberi galakan cukai EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun. Galakan ini merangkumi aktiviti pengubahsuaian, pembesaran dan pemodenan bagi:

- i. hotel 1 hingga 5 bintang yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC); dan
- ii. projek pelancongan terpilih iaitu projek taman bertema dan pusat persidangan dengan kapasiti penggunaan sekurang-kurangnya 3,000 peserta serta yang berdaftar dengan MOTAC.

EPS ini boleh dituntut melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

## LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI PELANCONGAN KESIHATAN

### Kedudukan Semasa

Syarikat jagaan kesihatan swasta yang membuat pelaburan baharu atau menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan atau pembaharuan layak mendapat pengecualian cukai bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.

Galakan cukai adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah terdiri daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan kasar syarikat diperoleh daripada perkhidmatan kepada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

### Cadangan

Bagi terus menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang berkualiti serta dapat meningkatkan kemasukan pelancong asing, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## **LAMPIRAN 15**

### **POTONGAN CUKAI KHAS BAGI PERBELANJAAN PRODUK KRAFTANGAN BUATAN MALAYSIA OLEH INDUSTRI PERHOTELAN**

#### **Kedudukan Semasa**

Industri hotel dikenal pasti mampu membantu mempromosi penggunaan hasil kraftangan tempatan seperti hiasan songket, produk seramik dan produk berasaskan kayu di premis hotel.

Layanan cukai sedia ada ke atas perolehan aset kali pertama diberi elaun modal di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 manakala pembelian selanjutnya bagi tujuan penggantian aset yang sama bernilai kurang daripada RM2,000 diberi potongan cukai di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan 1967.

#### **Cadangan**

Bagi menggalakkan industri perhotelan menggunakan produk kraftangan buatan Malaysia demi menyokong pemuliharan industri kraftangan tempatan, dicadangkan syarikat perhotelan diberi potongan cukai khas terhad sehingga RM500,000 ke atas perbelanjaan produk kraftangan yang layak yang dibeli daripada pengusaha kraftangan yang disahkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perbelanjaan produk kraftangan yang layak dilakukan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT  
PENGENDALI PELANCONGAN**

**Kedudukan Semasa**

Melalui Bajet 2018, pengendali pelancongan diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan ke Malaysia dan membawa masuk sekurang-kurangnya 750 pelancong asing setahun; dan
- ii. pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan dalam Malaysia dan mengendalikan sekurang-kurangnya 1,500 pelancong tempatan setahun.

Semasa pandemik COVID-19, galakan ini dikaji semula seperti berikut:

- i. dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun bagi tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2022; dan
- ii. pakej pelancongan dalam Malaysia yang disertai oleh sekurang-kurangnya 200 pelancong tempatan setahun dan tiada syarat minimum pelancong asing bagi pakej pelancongan ke Malaysia.

**Cadangan**

Bagi terus merancakkan aktiviti pelancongan di Malaysia dalam fasa peralihan ke endemik, dicadangkan syarat galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. pakej pelancongan dalam Malaysia yang disertai oleh sekurang-kurangnya 400 pelancong tempatan setahun; atau
- ii. pakej pelancongan ke Malaysia yang disertai oleh sekurang-kurangnya 200 pelancong asing setahun; dan
- iii. galakan cukai dilanjutkan untuk tempoh 1 tahun.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Tahun taksiran 2023.

## **LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI EKSPORT PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA**

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta layak mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan 100% daripada nilai peningkatan eksport perkhidmatan dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun yang diperoleh daripada eksport perkhidmatan jagaan kesihatan kepada pelancong kesihatan asing sama ada dari dalam atau luar negara tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pesakit yang mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah terdiri daripada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan kasar syarikat diperoleh daripada perkhidmatan kepada pelancong kesihatan yang layak bagi setiap tahun taksiran.

Galakan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2022.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan eksport perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan kesihatan, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

**PELUASAN SKOP POTONGAN CUKAI BAGI PENGGAJIAN WARGA EMAS,  
BEKAS BANDUAN, ORANG DIPAROL, ORANG DISELIA  
DAN BEKAS PENAGIH DADAH**

**Kedudukan Semasa**

Saraan yang dibayar kepada pekerja diberi potongan cukai bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

Melalui Belanjawan 2019, potongan cukai tambahan diberi kepada majikan yang menggaji warga emas dan bekas banduan. Skop galakan cukai telah diperluas meliputi bekas penagih dadah serta banduan yang dikategorikan sebagai orang diparol (ODP) dan orang diselia (ODS) tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. pekerja diambil bekerja sepenuh masa;
- ii. saraan bulanan tidak melebihi RM4,000;
- iii. majikan dan pekerja bukanlah individu yang sama; dan
- iv. tidak mempunyai ikatan persaudaraan dengan majikan.

Galakan cukai ini diberi sehingga tahun taksiran 2025.

**Cadangan**

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (SDG) 2030 yang menyasarkan penyediaan peluang pekerjaan yang bersesuaian tanpa menyisihkan golongan tertentu, dicadangkan skop galakan cukai diperluas untuk meliputi kos penggajian yang dibayar kepada penghuni dan bekas penghuni Sekolah Henry Gurney di bawah Jabatan Penjara Malaysia, institusi perlindungan dan pemulihan serta pusat jagaan bukan Kerajaan yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

## KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI WANITA KEMBALI BEKERJA

### Kedudukan Semasa

Wanita yang berada dalam *career break* dan kembali bekerja diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas penggajian yang diterima bagi tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut tertakluk kepada syarat kelayakan seperti berikut:

- i. kembali bekerja selepas *career break* untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun pada 27 Oktober 2017;
- ii. permohonan diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad selewat-lewatnya 31 Disember 2023; dan
- iii. pengecualian cukai ke atas pendapatan penggajian yang diterima mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2024.

### Cadangan

Bagi menggalakkan lebih ramai wanita kembali bekerja dan menyumbang kepada ekonomi, dicadangkan syarat kelayakan galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. tempoh *career break* sekurang-kurangnya 2 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad; dan
- ii. pengecualian cukai ke atas pendapatan penggajian yang diterima mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2028.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

**POTONGAN CUKAI BAGI PENAJAAN SMART ARTIFICIAL  
INTELLIGENCE (AI)-DRIVEN REVERSE VENDING MACHINE**

**Kedudukan Semasa**

Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021 - 2030 menggariskan strategi dan pelan tindakan untuk mencapai tahap kitaran plastik yang lebih besar di Malaysia. Pelan Hala Tuju ini menjadi panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam memastikan kelestarian di seluruh rantaian nilai plastik ke arah mewujudkan nilai baharu yang memanfaatkan masyarakat dan alam sekitar. Selaras dengan Pelan Hala Tuju ini, Kerajaan telah menyasarkan untuk meningkatkan kadar pengumpulan plastik untuk dikitar semula sebanyak 40% menjelang 2025.

Potongan cukai di bawah seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diberi kepada mana-mana pihak/orang yang menjalankan projek komuniti yang memberi manfaat ketara kepada orang awam di Malaysia yang berkaitan dengan bidang pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi, projek meningkatkan pendapatan golongan miskin serta projek pemeliharaan/pemuliharaan alam sekitar. Kriteria kelulusan termasuklah:

- i. projek memberi manfaat semata-mata kepada orang awam di Malaysia tanpa mempunyai kepentingan kepada penyumbang; dan
- ii. projek disumbangkan secara sukarela dan tidak disyaratkan oleh pihak berkuasa di bawah sesuatu peraturan.

**Cadangan**

Bagi menyokong kitaran semula sisa plastik sebagai sumber ekonomi dan memastikan kadar *collected-for-recycling* dapat ditingkatkan menerusi program pengumpulan sisa plastik yang lebih efektif dan tersusun, dicadangkan potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 diberi kepada syarikat dan selain syarikat (individu, perkongsian, badan amanah dan koperasi yang mempunyai pendapatan perniagaan) yang membuat sumbangan atau penajaan peralatan *Smart AI-Driven Reverse Vending Machine*.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi sumbangan/penajaan dan permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

## KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI TEKNOLOGI HIJAU

### Kedudukan Semasa

Melalui Belanjawan 2020, galakan cukai teknologi hijau dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023, manakala dalam Bajet 2022, pembelian aset hijau yang layak diperluas kepada Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan. Galakan cukai sedia ada adalah seperti berikut:

i. *Green Investment Tax Allowance (GITA)*

Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.

ii. *Green Income Tax Exemption (GITE)*

- a. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun taksiran; dan
- b. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun sehingga 10 tahun bagi aktiviti *solar leasing*.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023.

### Cadangan

Bagi terus menyokong inisiatif pembangunan teknologi hijau negara selaras dengan Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau 2017 - 2030, dicadangkan galakan cukai bagi aktiviti hijau yang layak di bawah GITA dan GITE dikaji semula berdasarkan *tiering approach* seperti berikut:

- i. ECP sebanyak 60% bagi aktiviti solar dan ECP sebanyak 100% bagi aktiviti selain solar dan solar + *Battery Energy Storage System (BESS)*;
- ii. tempoh galakan cukai GITA dan GITE dipanjangkan daripada 3 tahun kepada 5 tahun bagi projek terpilih; dan
- iii. tempoh permohonan galakan cukai dilanjutkan selama 2 tahun.

Perincian tiering approach GITA dan GITE seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1**

INSENTIF	TIER 1	TIER 2
GITA	<b>Aktiviti layak selain solar dan solar + BESS</b> <p><b>Projek dan Bangunan Hijau</b> Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p> <p><b>Aset</b> Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>	<b>Aktiviti layak berkaitan solar</b> <p><b>Aset dan Projek</b> Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.</p>
	<b>Perkhidmatan layak selain solar dan perkhidmatan solar + BESS</b> <p>Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak untuk tempoh 5 tahun taksiran.</p>	<b>Perkhidmatan layak berkaitan solar</b> <p>Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun taksiran.</p>
GITE	<p><b>Solar leasing:</b> Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun sehingga 10 tahun.</p>	

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025.

## GALAKAN CUKAI BAGI SEWAAN KENDERAAN ELEKTRIK

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang menyewa kenderaan bermotor bukan komersial diberi potongan cukai di bawah Seksyen 39(1)(k), Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- i. kos kenderaan yang tidak melebihi RM150,000, jumlah maksimum amaun sewaan yang dibenarkan potongan cukai dihadkan sehingga RM100,000; dan
- ii. kos kenderaan yang melebihi RM150,000, jumlah maksimum amaun sewaan yang dibenarkan potongan cukai dihadkan kepada RM50,000.

Layanan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

### Cadangan

Bagi menggalakkan penggunaan kenderaan rendah karbon, dicadangkan jumlah maksimum amaun sewaan kenderaan elektrik (EV) yang dibenarkan potongan cukai dihadkan sehingga RM300,000.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

## **GALAKAN CUKAI BAGI PENGILANG PERALATAN PENGECASTAN UNTUK KENDERAAN ELEKTRIK**

### **Kedudukan Semasa**

Malaysia sedang giat mewujudkan ekosistem mobiliti elektrik selari dengan Dasar Automotif Nasional 2020 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021 - 2030. Bagi meluaskan jaringan infrastruktur peralatan pengecasan, adalah penting untuk memastikan produk berkenaan dapat dihasilkan dalam negara dengan kos yang kompetitif.

### **Cadangan**

Bagi terus melengkapkan ekosistem kenderaan elektrik dan menarik pelaburan segera bernilai tinggi dalam pengilangan peralatan pengecasan kenderaan elektrik, dicadangkan galakan cukai diberi seperti berikut:

- i. pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2032. Syarikat yang membuat pelaburan awal layak menikmati tempoh pengecualian cukai sehingga 10 tahun. Manakala syarikat yang membuat pelaburan selepas tahun taksiran 2023 layak menikmati baki tempoh pengecualian sahaja; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 8 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2025.

## GALAKAN CUKAI BAGI CARBON CAPTURE AND STORAGE

### Kedudukan Semasa

Di bawah Dasar Tenaga Negara 2022 - 2040, Malaysia perlu memastikan pencapaian Aspirasi Negara Rendah Karbon menjelang tahun 2040. Selaras dengan sasaran ini, Kerajaan telah mengenal pasti satu inisiatif bagi mengawal pelepasan karbon dioksida ( $\text{CO}_2$ ) dengan menggunakan teknologi *Carbon Capture and Storage* (CCS). Industri minyak dan gas serta janakuasa menjadi industri perintis yang menggunakan teknologi CCS di Malaysia. Teknologi ini merangkumi 3 aktiviti seperti berikut:

- i. pemerangkapan  $\text{CO}_2$  (*carbon capture*);
- ii. pengangkutan hasil pemerangkapan  $\text{CO}_2$ ; dan
- iii. penyimpanan  $\text{CO}_2$  di bawah tanah atau dasar laut (*carbon storage*).

### Cadangan

Bagi mengiktiraf aktiviti CCS sebagai sumber baharu untuk pertumbuhan ekonomi dan mencapai pelepasan gas rumah kaca sifar bersih, dicadangkan galakan cukai diberi seperti berikut:

- i. syarikat yang melaksanakan aktiviti CCS (*in-house*):
  - a. Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun;
  - b. pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai jualan ke atas peralatan bagi teknologi CCS mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027; dan
  - c. potongan cukai bagi perbelanjaan pra-permulaan yang dibenarkan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh permulaan operasi.

- ii. syarikat yang melaksanakan perkhidmatan CCS:
  - a. ECP sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun; atau
  - b. pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun; dan
  - c. pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai jualan ke atas peralatan bagi teknologi CCS mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.
- iii. syarikat yang menggunakan perkhidmatan CCS diberi potongan cukai ke atas fi bagi perkhidmatan CCS.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.
- ii. Potongan cukai boleh dituntut melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

**GALAKAN CUKAI BAGI PENTERNAKAN AYAM  
SECARA SISTEM REBAN TERTUTUP**

**Kedudukan Semasa**

Melalui Bajet 2003, Elaun Pelaburan Semula (EPS) selama 15 tahun berturut-turut diberi kepada pengusaha ternakan ayam dan itik yang beralih daripada sistem reban terbuka kepada tertutup. Galakan ini telah diperluas meliputi projek pembesaran mulai tahun taksiran 2009.

EPS ini telah diberi sehingga tahun taksiran 2010.

**Cadangan**

Bagi menggalakkan lebih ramai penternak ayam mengadaptasi sistem reban tertutup yang lebih mesra alam, dicadangkan galakan cukai diberi seperti berikut:

- i. Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak; dan
- ii. pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak.

Galakan cukai ini diberi ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025 dan akan diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI PROJEK  
PENGELUARAN BAHAN MAKANAN**

**Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan diberi seperti berikut:

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan projek baharu pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam tahun asas pelaburan dibuat; dan
- ii. syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan:
  - a. projek baharu diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun taksiran; atau
  - b. projek pembesaran syarikat sedia ada diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun taksiran.

Pada tahun 2021, skop projek pengeluaran bahan makanan diperluas kepada projek penanaman biji benih untuk agro makanan dan perikanan laut lepas.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

## **Cadangan**

Bagi menggalakkan penglibatan lebih ramai pemain industri dalam sektor pertanian dan memastikan bekalan makanan dalam negara terjamin, dicadangkan galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. skop galakan cukai diperluas untuk merangkumi projek pertanian berasaskan *Controlled Environment Agriculture* (CEA); dan
- ii. galakan cukai dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh MAFI mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT  
BERSTATUS BIONEXUS**

**Kedudukan Semasa**

Galakan cukai bagi syarikat berstatus BioNexus diberi seperti berikut:

- i. syarikat yang menjalankan aktiviti bioteknologi yang diluluskan status BioNexus:
  - a. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bermula daripada tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan statutori untuk tempoh 10 atau 5 tahun taksiran tertakluk kepada perniagaan baharu atau sedia ada (projek pembesaran);
  - b. kadar cukai konsesi 20% ke atas pendapatan daripada aktiviti yang layak bagi tempoh 10 tahun selepas tamat tempoh pengecualian cukai;
  - c. potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan;
  - d. Elaun Bangunan Industri ke atas bangunan untuk tujuan operasi penyelidikan bioteknologi; dan
  - e. pengecualian duti import ke atas bahan mentah/komponen dan mesin/peralatan.
- ii. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari berstatus BioNexus yang menjalankan projek baharu diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam tahun asas pelaburan dibuat.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

## **Cadangan**

Bagi menarik lebih ramai pemain industri berdasarkan bioteknologi, dicadangkan galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun ditingkatkan daripada 70% kepada 100%; dan
- ii. tempoh permohonan galakan cukai dilanjutkan selama 2 tahun.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

## **LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI PEMBANGUNAN HARTA INTELEK**

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat yang melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi produk yang digalakkan dan membangunkan harta intelek (IP) di Malaysia diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% untuk tempoh sehingga 10 tahun. Pengecualian ini diberi ke atas pendapatan IP yang terbit daripada paten dan hak cipta perisian. Bagi tujuan pengiraan pengecualian cukai pendapatan, kaedah *modified nexus* diguna pakai bagi memastikan hanya pendapatan yang diperoleh daripada IP yang dibangunkan di Malaysia termasuk aktiviti R&D layak diberi galakan cukai.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan pelaksanaan aktiviti R&D dan pendaftaran harta intelek di Malaysia, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI AUTOMASI  
SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN**

**Kedudukan Semasa**

Syarikat perkilangan dan perkhidmatan yang membuat perbelanjaan modal yang layak ke atas kelengkapan automasi diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Kategori 1: Industri Berintensif Buruh (produk getah, plastik, kayu dan tekstil)

Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) bagi kelengkapan automasi sebanyak 100% ke atas RM4 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

- ii. Kategori 2: Industri selain Kategori 1 termasuk sektor perkhidmatan

ACA bagi kelengkapan automasi sebanyak 100% ke atas RM2 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

Kedua-dua kategori juga layak mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% perbelanjaan modal yang layak bagi kelengkapan automasi. Ini menjadikan perbelanjaan modal yang layak dituntut sebanyak 200% dalam tempoh 1 tahun.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) hingga 31 Disember 2023.

## **Cadangan**

Bagi terus memacu produktiviti dan meningkatkan kecekapan melalui automasi, dicadangkan ACA untuk kelengkapan automasi ditambah baik seperti berikut:

- i. skop automasi meliputi adaptasi elemen Industri 4.0;
- ii. skop galakan cukai ini diperluas untuk meliputi sektor pertanian; dan
- iii. had perbelanjaan modal bagi kategori 1, 2 dan pertanian diselaraskan dan ditingkatkan sehingga RM10 juta.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

## **LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT FARMASEUTIKAL**

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat pengeluar produk farmaseutikal layak dipertimbangkan galakan cukai seperti berikut:

- i. kadar cukai pendapatan 0% hingga 10% untuk 10 tahun pertama; dan
- ii. kadar cukai pendapatan 10% untuk 10 tahun berikutnya.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 7 November 2020 hingga 31 Disember 2022.

### **Cadangan**

Bagi terus menggalakkan pembangunan dan pembuatan produk farmaseutikal terutamanya vaksin, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## **KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI *EQUITY CROWDFUNDING***

### **Kedudukan Semasa**

Melalui Belanjawan 2021, pelabur individu yang melabur di dalam *equity crowdfunding* layak mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan agregat bersamaan dengan 50% amaun pelaburan tertakluk kepada syarat berikut:

- i. amaun yang layak bagi pengecualian cukai adalah terhad sehingga RM50,000 bagi setiap tahun taksiran;
- ii. amaun yang boleh ditolak adalah terhad sehingga 10% daripada pendapatan agregat bagi tahun taksiran tersebut. Lebihan amaun yang tidak dapat ditolak akan diabaikan;
- iii. pelabur, syarikat penerima pelaburan dan jumlah pelaburan hendaklah disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- iv. pelabur tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan syarikat penerima pelaburan;
- v. pelaburan yang dibuat hendaklah melalui platform *equity crowdfunding* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- vi. pelaburan tidak boleh dilupuskan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pelaburan.

Galakan cukai ini bagi pelaburan yang dibuat mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023.

## **Cadangan**

Bagi terus menarik lebih ramai pelabur individu melabur dalam syarikat *start-up* melalui *equity crowdfunding*, dicadangkan galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. skop galakan cukai diperluas bagi meliputi pelaburan yang dibuat oleh pelabur individu melalui syarikat nomini Perkongsian Liabiliti Terhad; dan
- ii. tempoh pelaburan dilanjutkan selama 3 tahun.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi pelaburan yang dibuat mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## **LAMPIRAN 32**

### **LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI PELABUR MANGKIN**

#### **Kedudukan Semasa**

Pelabur mangkin yang melabur dalam syarikat penerima pelaburan dalam bentuk syer biasa layak mendapat pengecualian cukai bersamaan dengan amaun pelaburan.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023.

#### **Cadangan**

Bagi menggalakkan lebih ramai pelabur mangkin untuk menyumbang kepada aktiviti ekonomi melalui pendanaan modal dalam syarikat penerima pelaburan, dicadangkan galakan cukai dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

## **LAMPIRAN 33**

### **LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI HAB PRINSIPAL 3.0**

#### **Kedudukan Semasa**

Syarikat baharu dan sedia ada yang menjadikan Malaysia sebagai pangkalan perniagaan global bagi aktiviti bernilai tinggi yang mengurus, mengawal dan menyokong fungsi utama perniagaan seperti pengurusan risiko, pembuatan keputusan, perniagaan strategik, kewangan dan pengurusan sumber manusia layak dipertimbangkan galakan cukai Hab Prinsipal dengan kadar cukai pendapatan 0%, 5% atau 10%.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2022.

#### **Cadangan**

Bagi menarik lebih banyak syarikat asing menuju hab Prinsipal di Malaysia, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

#### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## **LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI *GLOBAL TRADING CENTRE***

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat yang menjalankan aktiviti *trading* bagi tujuan eksport layak dipertimbangkan galakan cukai *Global Trading Centre* dengan kadar cukai pendapatan 10% untuk tempoh 5 tahun dan boleh diperbaharui untuk tempoh 5 tahun.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

### **Cadangan**

Bagi menarik minat syarikat multinasional menjalankan aktiviti *trading* dan menjadikan Malaysia sebagai hab pengedaran serantau, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI INDUSTRI PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN KAPAL

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) di Malaysia layak dipertimbangkan galakan cukai seperti berikut:

- i. syarikat baharu
  - a. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun; atau
  - b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.
- ii. syarikat sedia ada

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022.

Di samping itu, syarikat SBSR yang berstatus *bona fide* juga layak menikmati pengecualian duti import dan cukai jualan di bawah Butiran 53, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 dan Butiran 44, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Pengecualian ini diberi bagi permohonan status *bona fide* yang diterima oleh Kementerian Kewangan sehingga 31 Disember 2022.

## **Cadangan**

Bagi menjadikan Malaysia sebagai hab SBSR serantau, dicadangkan galakan cukai sedia ada dan status *bona fide* dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Bagi permohonan SBSR yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.
- ii. Bagi permohonan status *bona fide* yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

## LAMPIRAN 36

### LANJUTAN GALAKAN CUKAI BAGI INDUSTRI AEROANGKASA

#### Kedudukan Semasa

Syarikat aeroangkasa baharu dan sedia ada di Malaysia yang menjalankan aktiviti bernilai tinggi seperti *manufacturing or assemble of systems, devices, parts or components and maintenance, repair and overhaul for aircraft (MRO), systems, devices, parts or components and engineering & design/services related* diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. syarikat baharu
  - a. pengecualian cukai pendapatan 70% hingga 100% untuk tempoh antara 5 hingga 10 tahun; atau
  - b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% hingga 100% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak 70% hingga 100% ke atas pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.
- ii. syarikat sedia ada

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% ke atas pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2022.

#### Cadangan

Selari dengan halatuju di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menjadikan Malaysia sebagai pemain utama industri aeroangkasa, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

#### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## **PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PERALATAN STUDIO DAN PRODUKSI PENGGAMBARAN**

### **Kedudukan Semasa**

Dasar Industri Kreatif Negara telah diperkenalkan untuk memperkasa industri kreatif secara menyeluruh berdasarkan kreativiti dan inovasi melalui penghasilan produk berkualiti tinggi serta dapat memartabatkan warisan seni budaya.

Ketersediaan prasarana yang berteknologi tinggi dan ekosistem yang kondusif menjadi antara pemangkin utama untuk menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan daya saing industri kreatif tempatan. Penggiat industri termasuk pengeluar filem perlu terus meneroka inovasi dan memanfaatkan teknologi baharu bagi menghasilkan karya kreatif yang bertaraf antarabangsa.

Pengimportan peralatan khusus untuk kegunaan industri kreatif seperti kamera dan peralatan penyiaran, sistem audio dan video, peralatan studio serta peralatan produksi penggambaran tertakluk kepada duti import pada kadar di antara 5% hingga 30% dan cukai jualan pada kadar 10%.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan penggiat industri mencipta kandungan kreatif yang lebih berkualiti tinggi untuk pasaran domestik dan antarabangsa serta menarik penerbit filem luar negara menjalankan aktiviti penggambaran di Malaysia, dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran diberi kepada penyedia peralatan dan perkhidmatan produksi termasuk pasca produksi, studio serta panggung wayang untuk tempoh 2 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

**KAJIAN SEMULA PENGECUALIAN DUTI EKSAIS DAN CUKAI JUALAN  
KE ATAS PENJUALAN ATAU PINDAH MILIK TEKSI  
DAN KERETA SEWA MILIKAN INDIVIDU**

**Kedudukan Semasa**

Melalui Belanjawan 2012, pengecualian duti eksais dan cukai jualan diberi ke atas penjualan/pindah milik/kegunaan persendirian/pelupusan teksi bajet dan kereta sewa tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. terhad kepada teksi bajet dan kereta sewa milikan individu sahaja; dan
- ii. usia kenderaan hendaklah melebihi 7 tahun dari tarikh pendaftaran.

**Cadangan**

Bagi membantu pemilik teksi individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19, dicadangkan pengecualian duti eksais dan cukai jualan ke atas penjualan/pindah milik/kegunaan persendirian/pelupusan teksi dan kereta sewa milikan individu dikaji semula seperti berikut:

- i. pengecualian diperluas kepada:
  - a. teksi eksekutif dan TEKS1M; dan
  - b. teksi lapangan terbang (bajet, premier dan keluarga).
- ii. syarat usia kenderaan dilonggarkan kepada sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh pendaftaran.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia mulai 1 Januari 2023.

## **LANJUTAN PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN ELEKTRIK CBU**

### **Kedudukan Semasa**

Kenderaan elektrik (EV) jenis *Completely Built-Up* (CBU) import merangkumi kenderaan penumpang (termasuk SUV dan MPV), kenderaan perdagangan dan motosikal dikenakan duti dan cukai seperti berikut:

<b>Jenis Duti/Cukai</b>	<b>Kadar Duti/Cukai Kenderaan Elektrik</b>		
	<b>Kenderaan Penumpang (termasuk SUV dan MPV)</b>	<b>Motosikal</b>	<b>Kenderaan Perdagangan</b>
Duti Import	30%	30%	30%
Duti Eksais	10%	10%	Nil
Cukai Jualan	10%	Nil	10%

Melalui Bajet 2022, pengecualian duti import dan duti eksais diberi sepenuhnya ke atas EV jenis CBU import mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan permintaan domestik terhadap EV selaras dengan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon, *EV Roadmap* dan Dasar Automotif Nasional 2020 serta mengambil kira kekurangan cip kenderaan yang menjadi isu global semasa, dicadangkan pengecualian duti import dan duti eksais sepenuhnya ke atas EV jenis CBU import dilanjutkan untuk tempoh 1 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.

**PENGECUALIAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN PELANCONGAN**

**Kedudukan Semasa**

Bagi menyokong Tahun Melawat Malaysia 2020, pengecualian duti eksais sebanyak 50% diberi kepada pengusaha pelancongan bagi pembelian kenderaan pelancongan baharu pemasangan tempatan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.

**Cadangan**

Bagi menyokong usaha pemulihan industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19, dicadangkan pengecualian duti eksais sebanyak 50% diberi ke atas pembelian kenderaan pelancongan baharu pemasangan tempatan yang layak seperti berikut:

- i. Kereta Sewa dan Pandu Untuk Pelancong; dan
- ii. Bas Persiaran.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

## **LANJUTAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PEMBELIAN BAS PEMASANGAN TEMPATAN**

### **Kedudukan Semasa**

Pengecualian cukai jualan sebanyak 10% ke atas pembelian bas siap termasuk penyaman udara yang dipasang dalam negara diberi kepada pengusaha bas yang layak seperti bas sekolah, bas henti-henti, bas ekspres, bas persiaran dan bas pekerja.

Pengecualian cukai jualan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

### **Cadangan**

Bagi mengurangkan kos operasi dan membantu pengusaha bas mengharungi fasa peralihan ke endemik, dicadangkan pengecualian cukai jualan ini dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

**PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN  
KE ATAS TERAPI GANTIAN NIKOTIN****Kedudukan Semasa**

Perkhidmatan berhenti merokok telah dilaksanakan sejak tahun 2000 bermula di klinik kesihatan dan hospital Kerajaan. Mulai tahun 2015, perkhidmatan ini telah diperluaskan kepada fasiliti kesihatan swasta termasuk hospital, klinik dan farmasi melalui kerjasama awam dan swasta di bawah Program mQuit. Terapi gantian nikotin (*Nicotine Replacement Therapy - NRT*) digunakan sebagai salah satu pilihan rawatan ubatan berhenti merokok di bawah Program mQuit.

Penggunaan NRT bertujuan membekalkan sukatan nikotin yang cukup kepada perokok untuk mengurangkan gejala ketagihan secara bertahap tanpa bahan perosak yang terhasil daripada pembakaran rokok atau pemanasan cecair rokok elektronik. Terdapat dua produk NRT di pasaran yang tertakluk kepada kenaan duti import dan cukai jualan seperti berikut:

<b>Produk</b>	<b>Kod Tarif</b>	<b>Duti Import</b>	<b>Cukai Jualan</b>
<i>Nicotine Gum</i>	2404.91.1000	15%	5%
<i>Nicotine Patch</i>	2404.92.1000	0%	10%

**Cadangan**

Bagi menyokong Program mQuit dan menggalakkan penggunaan produk NRT sebagai pilihan rawatan ubatan berhenti merokok, dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas produk *nicotine gum* dan *nicotine patch* untuk tempoh 5 tahun.

**Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

## PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN DIGITAL BERKAITAN PERBANKAN/KEWANGAN

### Kedudukan Semasa

Perkhidmatan digital berkaitan perbankan/kewangan yang disediakan oleh institusi kewangan/bank tempatan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang berkelayakan adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan mulai 1 Januari 2020.

### Cadangan

Bagi menyeragamkan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital berkaitan perbankan/kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan pembayaran digital tempatan bukan bank (*local non-bank providers*), dicadangkan pengecualian cukai perkhidmatan diberi kepada:

- i. penerima perkhidmatan pembayaran digital; dan
- ii. penyedia perkhidmatan pembayaran digital tempatan bukan bank seperti berikut:
  - a. *payment instrument issuers*
  - b. *merchant acquirers*
  - c. *payment system operators*

Tempoh tamat pengecualian cukai perkhidmatan kepada institusi kewangan/bank tempatan diseragamkan sama seperti tempoh tamat pengecualian cukai perkhidmatan kepada penyedia bukan bank.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Mulai 1 Ogos 2022 hingga 31 Julai 2025 bagi penyedia perkhidmatan pembayaran digital bukan bank tempatan.
- ii. Mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Julai 2025 bagi institusi kewangan tempatan/bank dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang berkelayakan.